



**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
45000 KUALA SELANGOR**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA


Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang masih sah di bawah kod bidang yang berkaitan serta pemborong juga hendaklah berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja seperti berikut :-

| BIL | BUTIR-BUTIR TAWARAN | KELAS PENDAFTARAN | TARIKH & DOKUMEN MULAI DAN TARIKH AKHIR JUALAN DOKUMEN | HARGA DOKUMEN | TARIKH TUTUP |
|-----|---|--|--|---------------|-------------------------------|
| 1. | KERJA-KERJA MEMBEKAL 41 UNIT LEACH BIN 1500 LITER BAGI PENGURUSAN SAMPAH DI KAMPUNG TRADISI DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR No.Sebutharga : SH 149/2018 | 221002 (Perkhidmatan Membersih Kawasan) | Mulai 22.10.2018 Hingga 30.10.2018 | RM 50.00 | 31.10.2018 (jam 12 t/hari) |

Setiap pembelian/permohonan Dokumen Sebut Harga boleh dibeli secara online melalui laman web <https://tender.selangor.my> bermula 22 Oktober 2018 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Kontraktor perlu mengemukakan salinan **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa menghantar dokumen tawaran sebut harga. Sila kemukakan juga salinan pendaftaran syarikat dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** serta salinan penyata bulanan bank (tiga bulan) yang terkini dan telah disahkan bersama-sama Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap.

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor di **Aras Bawah, Majlis Daerah Kuala Selangor** sebelum atau pada **31 Oktober 2018, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.



(Rahilah binti Rahmat A.M.S.)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Selangor
QS:farah@kian.sh/181018

Tarikh : 18 Oktober 2018